

15 JUL 1999

Kerajaan-Jentera

KERAJAAN JENTERA PEMULIHAN EKONOMI NEGARA, KATA PAK LAH

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berjaya memainkan peranannya sebagai jentera pemulihan ekonomi negara dan segala usaha tersebut kini telah menunjukkan hasilnya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, berbanding dengan sektor swasta, kerajaan mempunyai kemampuan yang menyeluruh bagi menjana pemulihan ekonomi negara.

"Kerajaan ada kemampuan untuk mengadakan pendekatan yang menyeluruh meliputi pelbagai peraturan dan undang-undang yang boleh menjamin pemulihan ekonomi negara secara lebih terurus dan menyeluruh," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis makan malam anjuran Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) di sini, malam ini.

Walaupun begitu, kerajaan tetap memandang serius peranan penting yang dimainkan oleh sektor swasta dalam pemulihan ekonomi negara yang turut dibantu oleh sikap rakyat yang sentiasa bersatu-padu di belakang kerajaan.

Segala usaha yang dijalankan oleh kerajaan dibantu oleh sektor swasta serta rakyat yang bersatu-padu telah menunjukkan hasil dengan ramai penganalisis ekonomi antarabangsa meramalkan ekonomi negara akan berkembang lebih tinggi daripada jangkaan 1 peratus bagi tahun ini, katanya.

Program-program pemulihan ekonomi negara yang dijalankan oleh kerajaan menurut Abdullah juga telah disokong dan dibantu oleh dewan-dewan perniagaan serta kesatuan sekerja.

"Pendekatan yang diambil oleh Malaysia tidak lazim dilakukan oleh negara-negara lain tetapi kita (Malaysia) telah berjaya membuktikan dengan jayanya," katanya.

Kesatuan sekerja katanya, sentiasa bersabar serta mengambil tindakan untuk tidak merusuh bahkan sentiasa berada dibelakang kerajaan dan tetap mempercayai kemampuannya telah menjamin usaha-usaha pemulihan ekonomi negara.

Yang turut hadir pada majlis makan malam itu termasuk Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding dan Presiden ACCCIM Datuk Lim Guan Teik.

-- BERNAMA

MHI zb